



RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan
seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap
tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)



BAHASA MELAYU

TAHUN 2

SEKOLAH KEBANGSAAN



JILID 1

PENULIS

Mat Ariffin bin Ismail
Nurfarah Lo binti Abdullah

EDITOR

Razid bin Sahran
Hasnah binti Ahmad Nadzar
Muhammad Hisyam bin Haliah

PEREKA BENTUK

Mazlan bin Mohamed



ILUSTRATOR

Mohd Sazali bin Ibrahim
Rozlin Azrar bin Abd Azib





KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0124

KK 499-221-0102011-49-1582-20101

ISBN 978-983-49-1582-7

Cetakan Pertama 2017

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2017

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk
Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muka Taip Teks: Azim
Saiz Muka Taip Teks: 18 poin

Dicetak oleh:
Ultimate Print Sdn. Bhd.,
Lot 2, Jalan Sepana 15/3,
Off Persiaran Selangor Seksyen 15,
40200 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pegawai-pegawai Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pakar Rujuk Bahasa, Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah binti Abdul Karim
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Tourism Malaysia, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia
- Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Perak
- Muzium Negeri Perak
- Muzium Negeri Kedah
- Pihak-pihak yang memberikan maklumat, pendapat dan cadangan dalam usaha untuk menerbitkan buku teks ini.



KANDUNGAN



PENDAHULUAN iv

TEMA 1 KEKELUARGAAN 1

Unit 1: Hari Minggu dengan Keluarga 2

Unit 2: Cerita Keluarga 7

Unit 3: Keluarga Berhemah 13

TEMA 2 PERPADUAN 21

Unit 4: Sahabat Karib 22

Unit 5: Hidup Berjiran 27

Unit 6: Sepakat Membawa Berkat 33

TEMA 3 KEBERSIHAN DAN KESIHATAN 43

Unit 7: Kebersihan Bermula dari Rumah 44

Unit 8: Jadikan Amalan 49

Unit 9: Aktifkan Diri 55

TEMA 4 KEBUDAYAAN KITA 63

Unit 10: Uniknya Budaya Kita 64

Unit 11: Kesenian Dihargai 69

Unit 12: Amalan Baik 75



PENDAHULUAN

Pakej Buku Teks *Bahasa Melayu Tahun 2 Sekolah Kebangsaan (SK)* kegunaan mulai tahun 2018 berdasarkan transformasi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang disemak semula. Kurikulum ini diistilahkan sebagai KSSR (Semakan). KSSR (Semakan) *Bahasa Melayu Tahun 2 SK* ini lebih menekankan penyataan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) yang perlu diketahui dan mampu dilaksanakan oleh murid.

Bahan dalam pakej buku teks ini dipersembahkan dalam bentuk modular yang mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran bahasa, tatabahasa, nilai murni, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan strategi pengajaran dan pembelajaran. Elemen tersebut mesti dikuasai oleh murid tahun dua sekolah kebangsaan bagi meningkatkan dan memantapkan penguasaan kemahiran berbahasa. Selain itu, mereka juga diharapkan mampu untuk menggunakan bahasa Melayu yang betul dan berkesan dalam urusan harian.

Pakej Buku Teks *Bahasa Melayu Tahun 2 SK* mengandungi dua komponen, iaitu Buku Teks (BT) dan Buku Aktiviti (BA). BT dan BA mengandungi dua jilid, iaitu BT Jilid 1, BT Jilid 2, BA Jilid 1 dan BA Jilid 2. Kandungan bahan dalam kedua-dua komponen ini dibina berdasarkan lapan tema. Setiap tema mengandungi tiga unit yang menjadikan jumlahnya sebanyak 24 unit. Tema dan unit yang dinyatakan dapat dilihat pada halaman kandungan. Tema tersebut diambil dan diubah suai daripada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR (Semakan) Bahasa Melayu Tahun 2 Sekolah Kebangsaan.

DSKP yang diterima pakai dalam KSSR (Semakan) ini amat menekankan penggabungjalinan kemahiran bahasa, penyerapan ilmu dan penerapan nilai murni. Kemahiran bahasa seperti Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca, Kemahiran Menulis, Aspek Tatabahasa dan Aspek Seni Bahasa digabungjalinkan bagi memantapkan penguasaan bahasa murid.

Ikon-ikon yang mewakili kemahiran dan aspek tersebut adalah seperti yang berikut:

PENERANGAN IKON BUKU TEKS



Tema
Menunjukkan permulaan tema.



Aktiviti
Menunjukkan murid perlu melakukan aktiviti berdasarkan kemahiran.




Kemahiran Mendengar dan Bertutur
Menunjukkan fokus untuk melahirkan murid yang dapat berkomunikasi.



KBAT
Menunjukkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.



Unit Utama
Menunjukkan permulaan unit utama.





Kemahiran Membaca

Menunjukkan fokus untuk menguji keupayaan murid membaca, memahami dan menaakul pelbagai bahan.



Kemahiran Menulis

Menunjukkan fokus untuk menguji keupayaan murid menghasilkan penulisan dan menyampaikan maklumat.

Membaca

Membeli Bahan Kek

Enak Jamil membawa anak-anaknya ke Kedai Kek Aneka. Mereka hendak membeli bahan untuk membuat kek. Hana dan kakaknya mencari telur, mentega, gula, esen vanila dan tepung gandum. Mereka juga membeli belon dan topeng. Kesemua barang itu dimasukkan ke dalam troli. Kemudian, mereka ke kaunter untuk membuat bayaran.

Aktiviti

Membaca perkataan dan ayat dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.

Nota Guru

• Berbangkitkan minat membaca peribadi dan aktif yang terdorong dalam kelas dengan aktiviti ini.

Strategi: K3 - Mengingat
MAM: MAM - Mengingat

KPI: MAM
4.2.2 (i)
BA1: 75

Menulis

Kek Hari Lahir

Hana dan adik-beradiknya berada di dapur. Mereka membantu ayah membuat kek hari lahir untuk ibu.

Bahan-bahan:

- 4 kg telur
- 150 gram gula
- 230 gram mentega
- 200 gram tepung gandum
- 1 sudu teh esen vanila

Cara membuat:

1. Ayak tepung gandum ke dalam bekas.
2. Pukul mentega dan gula sehingga kembang.
3. Masukkan telur dan tepung gandum sedikit demi sedikit, kemudian kacau adunan sehingga sebati.
 - a. Masukkan esen vanila.
4. Panaskan kuluar pada suhu 170 darjah Celsius.
5. Sapukan minyak pada loyang dan tuangkan adunan.
6. Bakar adunan selama 45 minit.

Aktiviti

Menulis perkataan dan ayat dengan tulisan yang kemas.

Nota Guru

• Berbangkitkan minat menulis peribadi dan aktif dengan aktiviti ini.

Strategi: K3 - Menulis
MAM: MAM - Menulis

KPI: MAM
4.2.2 (ii)
BA1: 75

Nota Guru

Menunjukkan panduan kepada guru untuk melaksanakan aktiviti.



Aspek Seni Bahasa

Menunjukkan fokus untuk menguji keupayaan murid mengungkapkan, memahami dan menghargai bahasa yang indah.



Aspek Tatabahasa

Menunjukkan fokus utama untuk menguji keupayaan murid menguasai dan menggunakan tatabahasa dengan betul.



QR Code

Menunjukkan maklumat tambahan yang diimbas melalui telefon pintar.

Seni Bahasa

Indahnya Budaya Sabah

Oh, indahnya budaya! Budaya negeri Sabah Banyak kaum di sana Hidup aman damai. Owa owa owa owa owa oi oi

Turunan Sabahan

Negeri Sabah di bawah banyu Suku kaumnya berazat padu Adat warisan lama kekal terpelihara Pelbagai budaya setia diamalakan.

Oh, indahnya budaya! Budaya negeri Sabah Terkenal di Malaysia juga di seluruh dunia. Owa owa owa owa owa oi oi

*Irama lagu "Kanak-kanek Udag"

Aktiviti

Menyanyikan lagu sambil melakukan aksi mengikut seni kata.

Nota Guru

• Berbangkitkan minat mengungkap seni kata dengan sebutan dan intonasi yang betul.

Strategi: K3 - Menulis
MAM: MAM - Menulis

KPI: MAM
4.2.2 (i)
BA1: 75

Kata Ganti Nama Diri

Pertandingan Fotografi

Hana: Soo Mei, ayah saya memenangi hadiah pertandingan fotografi. Wah, hebatnya ayah kamu! Apakah gambar yang dihantar oleh ayah kamu untuk pertandingan itu?
Hana: Oh, ayah menghantar gambar pertandingan keluarga kami di Bukit Lanut! Kawan-kawan ayah saya juga menyertai pertandingan itu tetapi mereka hanya mendapat hadiah sogu hati. Walaupun begitu, mereka tetap gembira.
Soo Mei: Marilah kita lihat gambar ketika majlis penyampaian hadiah tersebut.
Hana: Baiklah, ini gambar-gambarnya.

Info Bahasa

Kata ganti nama diri ialah perkataan yang menguk diri orang tertentu. Ia diorang orang pertama, kedua dan ketiga. Contoh: Kata ganti nama diri pertama – saya, aku. Kata ganti nama diri kedua – kamu, engkau. Kata ganti nama diri ketiga – dia, mereka, beliau.

Aktiviti

Menggunakan kata ganti nama diri mengikut konteks untuk melatkonkan dialog.

Nota Guru

• Menaakul mengenal pasti kata ganti nama diri yang terdorong dalam kelas.

Strategi: K3 - Menulis
MAM: MAM - Menulis

KPI: MAM
4.2.2 (ii)
BA1: 75

4.2.2 (i)
BA1: 75

Standard Pembelajaran dan halaman buku

- Mengandungi nombor standard pembelajaran.
- BT1 merujuk Buku Teks Jilid 1
- BT2 merujuk Buku Teks Jilid 2
- BA1 merujuk Buku Aktiviti Jilid 1
- BA2 merujuk Buku Aktiviti Jilid 2



Pemulihan



Pengayaan



Penguksuhan



Penilaian



Bacaan Luas



PETA PEMIKIRAN (*i-THINK*)


Dalam buku ini, penulis menerapkan persembahan dalam bentuk peta *i-Think* untuk melahirkan murid yang mempunyai pemikiran inovatif. Murid dibekalkan dengan bahan yang menekankan kemahiran berfikir. Oleh itu, penulis menggunakan lapan peta *i-think* yang diterapkan dalam bahan. Lapan peta tersebut ialah:




Peta Bulatan




Peta Buih




Peta Buih Berganda




Peta Alir




Peta Pelbagai Alir



Peta Dakap




Peta Pokok



Peta Titi

PENERANGAN IKON BUKU AKTIVITI



Nota Guru

Nota Guru

- panduan kepada guru untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran
- menyatakan standard pembelajaran dan halaman buku teks bagi halaman yang berkenaan



Akhir sekali, persembahan komponen buku teks ini turut menggunakan watak-watak tertentu bagi menceriakan dan mendekatkan murid dengan bahan yang dibangunkan. Watak-watak utama muncul dalam setiap tema. Watak-watak ini akan dibantu oleh watak sampingan.



Hana



Yahya



Soo Mei



Yong Han



Lageswari



Pravin



Rahisin

Kesimpulannya, Pakej Buku Teks *Bahasa Melayu Tahun 2 SK* ini dibina selaras dengan “Pembelajaran Abad Ke-21”. Buku ini amat mesra pengguna. Hasilnya, murid-murid tahun dua sekolah kebangsaan akan dapat menguasai asas literasi yang mantap, kemahiran berbahasa, dan bersedia untuk melangkah ke alam persekolahan yang lebih tinggi. Murid-murid juga berupaya untuk meneroka dan memperoleh pelbagai ilmu dan kemahiran melalui buku teks ini. Dengan penerbitan buku teks ini, murid diharapkan dapat menguasai kemahiran berbahasa. Selain itu, murid juga menguasai ilmu pengetahuan, berkemahiran untuk memimpin, beretika dan mempunyai nilai kerohanian serta identiti nasional yang tinggi. Berdasarkan enam aspirasi ini, akan lahir generasi yang berketerampilan, berhemah tinggi, bersemangat waja dan berfikiran positif.



TEMA
1

KEKELUARGAAN



Aktiviti

Bercerita berdasarkan gambar.



Hari Minggu dengan Keluarga

Mendengar dan Bertutur Ceria Pagi

di atas bumbung


Selamat pagi!

di atas balkoni

membasuh basikal

pili air

menjemur kasut



pokok bunga

atap genting

memesin rumput

pagar batu

Aktiviti

Mendengar, mengecam dan menyebut frasa dengan betulnya dan tepatnya.

Nota Guru

- Guru membaca dan meminta murid mendengar dan mengecam sebutan.

Strategi: KB – Mengecam
EMK: Nilai Murni – Kasih sayang

Pembelajaran Kontekstual –
Menghubungkan

1.1.1 (i)
BA1: 1





Membaca

Membeli Bahan Kek



Encik Jamil membawa anak-anaknya ke Kedai Kek Aneka. Mereka hendak membeli bahan untuk membuat kek. Hana dan kakaknya mencari telur, mentega, gula, esen vanila dan tepung gandum.

Mereka juga membeli belon dan topeng. Kesemua barang itu dimasukkan ke dalam troli. Kemudian, mereka ke kaunter untuk membuat bayaran.



Aktiviti

Membaca perkataan dan ayat dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.



Nota Guru

- Bimbing murid membaca perkataan dan ayat yang terdapat dalam teks secara latih tubi.

Strategi: KB – Mengecam
EMK: Nilai Murni – Kerjasama

BCB: Bacaan mekanis

2.1.1
(i) & (ii)
BA1: 2-3



Menulis

Kek Hari Lahir

Hana dan adik-beradiknya berada di dapur. Mereka membantu ayah membuat kek hari lahir untuk ibu.

Kek Mentega Istimewa

Bahan-bahan:

4 biji telur

150 gram gula

230 gram mentega

200 gram tepung gandum

1 sudu teh esen vanila



Cara membuat:

1. Ayak tepung gandum ke dalam bekas.
2. Pukul mentega dan gula sehingga kembang.
3. Masukkan telur dan tepung gandum sedikit demi sedikit, kemudian kacau adunan sehingga sebati.
4. Masukkan esen vanila.
5. Panaskan ketuhar pada suhu 170 darjah Celsius.
6. Sapukan minyak pada loyang dan tuangkan adunan.
7. Bakar adunan selama 45 minit.



Aktiviti

Menulis perkataan dan ayat dengan tulisan yang kemas.

Nota Guru



- Bimbing murid menulis perkataan dan ayat dalam buku latihan.
- Strategi: KB – Membandingkan dan membezakan
Pembelajaran Kontekstual – Menghubungkaitkan
- EMK: Nilai Murni – Kerajinan

3.1.1
(i) & (ii)
BA1: 4–5





Kata Nama Am

Kejutan untuk Ibu

Hani memberikan arahan kepada **adik**-adiknya, Amin, Hana dan Amar. “Sedia, satu, dua, tiga!”



Mereka berjalan perlahan-lahan ke arah ibu dan ayah. Mereka membawa **kek**, **bunga** dan **hadiah**. Haiwan peliharaan mereka, **kucing** dan **arnab**, turut mengekori mereka.

Puan Yasmin berasa terkejut. Beliau tidak menyangka bahawa **anak**-anaknya ingat akan hari lahirnya. Beliau sungguh terharu dan gembira.

Info Bahasa

Kata nama am merujuk benda, manusia, tempat dan haiwan secara umum.

Contoh:

benda: *buku, kerusi*

manusia: *guru, budak*

tempat: *rumah, taman, sekolah*

haiwan: *ayam, harimau*



Aktiviti

Menggunakan kata nama am untuk membina ayat berdasarkan gambar.



Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti kata nama am yang terdapat dalam gambar.

Strategi: KB – Mengenal pasti
EMK: Nilai Murni – Kasih sayang

Pembelajaran Kontekstual –
Menghubungkan

5.1.1 (i)
BA1: 6–8



Cerita Keluarga



Mendengar dan Bertutur

Hobi Keluarga



Oh, gambar-gambar ini diambil oleh ayah saya! Hobi beliau mengambil gambar. Hobi ahli keluarga saya yang lain ...

Cantiknya! Siapakah yang mengambil semua gambar ini, Hana?

Hobi Ahli Keluarga Hana



Saya mahir menggesek biola.



Abang saya suka bermain papan selaju.



Kakak saya ...



Ibu saya ...



... .

Info
Papan selaju ialah sejenis papan yang mempunyai empat roda. Papan ini digerakkan dengan menggunakan sebelah kaki, manakala kaki yang sebelah lagi di atas papan. Pengguna boleh meletakkan kedua-dua belah kaki di atasnya apabila papan ini meluncur di atas permukaan jalan yang rata.



Aktiviti

Mendengar dan menyebut ayat tunggal dengan betulnya dan tepatnya.

Nota Guru

- Minta murid mendengar dan mengecam ayat tunggal yang disebut.
- Strategi: KB – Mengenal pasti
- EMK: Nilai Murni – Kebebasan
- BCB: Mendengar dengan berkesan

1.1.1 (ii)
BA1: 9






Membaca

Kenangan Sukaneka

Sukaneka di sekolah Hana dan Hani telah tamat. Ayah mereka membawa mereka sekeluarga minum di sebuah restoran. Sementara menunggu minuman dihidangkan, ayah mereka menunjukkan gambar-gambar yang telah diambil oleh beliau kepada keluarganya.



“Tahniah, Kak Hani, kerana berjaya mendapat tempat pertama dalam sukaneka tadi!” kata Hana kepada kakaknya.

“Ya, Hani, kami bangga akan kejayaan kamu. Ibu berharap kamu bukan sahaja cemerlang dalam sukan tetapi dalam pelajaran juga,” kata Puan Yasmin.

“Terima kasih semua kerana memberikan sokongan kepada saya,” jawab Hani dengan gembiranya.



Aktiviti

Membaca perenggan dan petikan dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.



Nota Guru

- Bimbing murid membaca teks.

AT: Kongsi pengalaman sukaneka yang pernah kamu alami di sekolah.

Strategi: KB – Menghubungkan

EMK: Nilai Murni – Kebersihan fizikal dan mental

Pembelajaran Kontekstual –
Mengalami

2.1.1
(iii) & (iv)
BA1: 10–11



Menulis

Bercuti di Bukit Larut




Pada cuti sekolah yang lalu, ayah telah membawa kami sekeluarga ke Bukit Larut, Taiping, Perak. Pengalaman kami menaiki jip ke puncak Bukit Larut sangat menyeronokkan.

Udara di Bukit Larut sungguh nyaman. Angin bertiup sepoi-sepoi bahasa. Bunyi deruan air dari celah-celah batu sungguh menyegarkan.

Saya, ibu dan kakak tertarik akan bunga dan tumbuh-tumbuhan. Ayah, abang dan adik pula gembira menyeberangi titi gantung di situ.

Kami tinggalkan Bukit Larut dengan pelbagai kenangan. Kami akan ke sana lagi pada masa akan datang.



Aktiviti

Menulis perenggan dengan betulnya dan kemasnya.

Nota Guru

- Bimbing murid menulis perenggan secara mekanis dalam buku latihan.

Strategi: KB – Mengecam
EMK: Nilai Murni - Menghargai flora dan fauna

Pembelajaran Kontekstual –
Memindahkan

3.1.1 (iii)
BA1: 12





Seni Bahasa

Adikku Sayang

- Soo Mei: Banyaknya hadiah yang adik kamu dapat. Tentu dia pandai.
- Hana: Ya, Soo Mei. Adik saya **otak cair** dan cepat memahami pengajaran guru.
- Soo Mei: Budak otak cair biasanya **panjang akal** juga. Mesti Amar dapat menyelesaikan masalah bahasa dengan mudahnya.
- Hana: Betul, Soo Mei. Amar bukan sahaja pandai tetapi juga **ringan tulang**. Dia suka membantu orang lain.
- Soo Mei: Kalau begitu, pasti Amar menjadi **anak emas** dalam keluarga kamu.
- Hana: Ya, Amar memang **buah hati** semua orang.



Aktiviti

Bercerita dan menuturkan dialog yang mengandungi simpulan bahasa.



Nota Guru

- Bimbing murid menjelaskan maksud simpulan bahasa untuk memudahkan murid bercerita.

Strategi: KB – Mengenal pasti
EMK: Nilai Murni – Kesyukuran

KP: Verbal-linguistik


4.1.1 (i)
BA1:13



Kata Nama Khas

Hamster Kesayangan Hani


Cici ialah hamster kesayangan Hani, kakak Hana. Hani sering bertukar-tukar cerita tentang hamster peliharaannya dengan kawannya yang tinggal di Kota Samarahan, Sarawak. Pada suatu hari 😞.




Hani berasa susah hati kerana Cici sakit.



Cici dibawa ke Klinik Comel. Cici dirawat oleh Doktor Ramesh.



Hani memberikan ubat kepada Cici. Dia juga memberikan susu berjenama Hamhat kepada Cici.



Info Bahasa

Kata nama khas ialah perkataan yang digunakan untuk merujuk orang, tempat atau benda secara khusus. Contoh:
orang – Ramlie
binatang – Sang Kancil
benda – Jalur Gemilang
tempat – Malaysia



Aktiviti

Menggunakan kata nama khas untuk melengkapkan cerita.

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti kata nama khas dalam bahan.
- Strategi: KB – Menjanakan idea
EMK: Nilai Murni – Menyayangi haiwan
- KP: Verbal-linguistik

5.1.1 (ii)
BA1:14-15





Kata Ganti Nama Diri

Pertandingan Fotografi

- Hana: Soo Mei, ayah saya memenangi hadiah pertandingan fotografi.
- Soo Mei: Wah, hebatnya ayah kamu! Apakah gambar yang dihantar oleh ayah kamu untuk pertandingan itu?
- Hana: Oh, ayah menghantar gambar percutian keluarga kami di Bukit Larut! Kawan-kawan ayah saya juga menyertai pertandingan itu tetapi mereka hanya mendapat hadiah sagu hati. Walaupun begitu, mereka tetap gembira.
- Soo Mei: Marilah kita lihat gambar ketika majlis penyampaian hadiah tersebut.
- Hana: Baiklah, ini gambar-gambarnya 📷📷.
- Soo Mei: 📷📷.



Info Bahasa

Kata ganti nama diri ialah perkataan yang merujuk diri orang tertentu, iaitu diri orang pertama, kedua dan ketiga. Contoh: Kata ganti nama diri pertama – *saya, aku*
Kata ganti nama diri kedua – *kamu, engkau*
Kata ganti nama diri ketiga – *dia, mereka, beliau*



Aktiviti

Menggunakan kata ganti nama diri mengikut konteks untuk melakonkan dialog.



Nota Guru

- Minta murid mengenal pasti kata ganti nama diri yang terdapat dalam teks.

Strategi: KB – Mencirikan
EMK: Nilai Murni – Hemah tinggi

Pembelajaran Kontekstual –
Menghubungkaitkan

5.1.1 (iii)
BA1: 16



Keluarga Berhemah




Mendengar dan Bertutur

Mengemas Dapur




Murid-murid,
dengar dan ikut
sebutan cikgu.


Baiklah,
cikgu ...!




Hana **dan** Hani membantu ibu di dapur.



Mereka membersihkan dapur **supaya** serangga perosak seperti lipas dan lalat tidak membiak di situ.



- busuk
- buang



Info Bahasa

Ayat majmuk ialah ayat yang dibina dengan mencantumkan dua ayat tunggal atau lebih sehingga menjadikannya ayat baharu. Contoh:
 (a) *Ali membeli jam.*
 (b) *Jam itu mahal.*
Ali membeli jam yang mahal.



Aktiviti

Mendengar, mengecam dan menyebut ayat majmuk.

Nota Guru

- Bimbing murid menyebut ayat majmuk yang didengari.

Strategi: KB – Mengecam

EMK: Nilai Murni – Bekerjasama

Pembelajaran Kontekstual –

Menghubungkaitkan


1.1.1 (iii)
BA1: 17





Membaca

Agihan Tugas Kami



Hana dan adik-beradiknya membantu ibu bapa mereka. Mereka melakukan kerja rumah pada hujung minggu.

Sementara ibu dan ayah ke pasar, mereka menetapkan jadual tugas masing-masing. **Hana ditugaskan untuk menyidai pakaian. Hani akan menyapu lantai di dapur dan ruang tamu rumah. Amin mengelap semua tingkap rumah. Amar pula menyusun kasut di dalam rak.**

Mereka gembira kerana dapat meringankan tugas ibu dan ayah.



Aktiviti

Membaca perkataan dan ayat berdasarkan bahan.

Nota Guru

- Bimbing murid memahami perkataan dan ayat yang terdapat dalam teks dengan melakukan aksi yang sesuai.

AT: Nyatakan tugas harian kamu di rumah.

Strategi: KB – Mengenal pasti

EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab

BCB: Bacaan luncuran

2.1.2
(i) & (ii)
BA1:18–20



Adab ketika Makan

Keluarga Hana mementingkan adab ketika makan. Mereka selalu makan bersama-sama.

Mereka akan membasuh tangan sebelum dan selepas makan. Tangan dibasuh supaya bersih.



Mereka akan membaca doa sebelum makan. Doa dibaca sebagai tanda kesyukuran.



Semasa makan, mereka duduk dengan tertibnya. Mereka makan dengan sopannya dan tidak mengambil makanan secara berlebihan.

Selepas makan, Amin membantu ibu mengemas meja. Hani membawa pinggan mangkuk yang kotor, manakala Hana membasuh gelas di singki.



Aktiviti

Menulis petikan dengan kemasnya.

Nota Guru

- Bimbing murid menulis petikan secara mekanis dalam buku latihan.
- Strategi: KB – Menghubungkaitkan
EMK: Nilai Murni – Hemah tinggi
- Pembelajaran Kontekstual –
Memindahkan

3.1.1 (iv)
BA1: 21



Seni Bahasa

Menziarahi Pak Cik Zamri

Hana dan keluarganya pergi ke rumah Pak Cik Zamri. Rumah Pak Cik Zamri **indah seperti mahligai**. Mereka dibawa ke ruang tamu. Mereka duduk di atas sofa. Alasnya **lembut bak sutera**.

Mak Cik Aini: Jemputlah makan kuih-muih ini.

Hana: Wah, rajinnya mak cik membuat kuih!

Pak Cik Zamri: Mak Cik Aini ini memang **rajin macam semut**. Ada sahaja resipi kuih baharu yang dibuatnya.

Hana: Sedapnya kuih-muih ini, mak cik. Rasanya **manis macam madu**.

Puan Yasmin: Rasa kuih mestilah manis, Hana. Tiada kuih yang **masam seperti cuka**, mahupun **pahit bagai hempedu**.

Mereka ketawa mendengar kata-kata Puan Yasmin.



Info Bahasa

Bandingan semacam ialah sejenis bahasa kiasan yang menunjukkan sifat dan keadaan seseorang atau sesuatu benda secara perbandingan. Bandingan semacam biasanya menggunakan perkataan *macam, seperti, bagai, umpama, bak* dan *laksana*.



Aktiviti

Bercerita dan menuturkan dialog dengan menggunakan bandingan semacam.



Penjodoh Bilangan

Tahniah, Kak Mastura!

Mak cik hadiahkan kamu **senaskhah** novel. Bolehlah kamu baca dalam kapal terbang nanti.

Tahniah, Kak Mastura! Terimalah **sekotak** coklat daripada kami.

Terima kasih.

Terima kasih, mak cik atas hadiah yang diberikan.

Sama-sama, Mastura.

sepasang cermin mata

sebuah kamera

sebentuk cincin

sekaki payung

seurat gelang

Info Bahasa

Penjodoh bilangan ialah perkataan yang digunakan bersama dengan kata bilangan untuk membilang sesuatu seperti benda, haiwan, tempat dan lain-lain.
Contoh:

sepasang kasut
sekaki cendawan
dua bentuk kerongsang



Aktiviti

Menggunakan penjodoh bilangan untuk membina ayat mengikut konteks.

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti penjodoh bilangan.

Strategi: KB – Mengecam
EMK: Nilai Murni – Baik hati

Pembelajaran Kontekstual –
Menghubungkaitkan

5.1.1 (iv)
BA1: 23–24





Kata Nama Am, Kata Nama Khas dan Kata Ganti Nama


Dr. Norini, Nenek Hana

Dr. Norini binti Nawi, nenek Hana. Beliau membuka sebuah klinik di Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Beliau merawat pesakit dengan mesranya. Pesakit-pesakit yang mendapat rawatan di situ amat berpuas hati.

Hana dan kakaknya seronok melihat nenek mereka merawat pesakit. Mereka suka melihat beliau menggunakan stetoskop untuk mendengar denyutan jantung pesakit.

Hana bercita-cita hendak menjadi doktor seperti neneknya. Dia belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-citanya itu.



Aktiviti

Berbual dengan menggunakan kata nama am, kata nama khas dan kata ganti nama mengikut konteks.



Nota Guru

- Minta murid mengenal pasti kata nama am, kata nama khas dan kata ganti nama yang terdapat dalam teks.

Strategi: KB – Mengenal pasti
EMK: Nilai Murni – Prihatin

KP: Verbal-linguistik

5.1. 1
(i), (ii) & (iii)



Pemulihan

Baca perkataan dan ayat.



1. Itu **gerai** buah-buahan dan sayur-sayuran.
2. Buah-buahan dan sayur-sayuran dari **kampung**.
3. Buah-buahan dan sayur-sayuran itu **segar**.
4. Ibu Amira membeli **mangga** dan **tembikai**.



Pengayaan

A. Lengkapi teka silang kata.

Melintang

1. _____ hari lahir, ayah.
2. Selamat _____ umur.
3. Semoga ayah sentiasa _____ dan gembira.

Menegak

4. Terima kasih ayah kerana _____ saya dengan baiknyanya.
5. Jasa ayah akan _____ dikenang.
6. Saya sayang akan _____.



5
s
n
t
a
s
a
t
j
4
m
1
s
a
a
t
2
p
j
g
g
3
c
r



B. Dengan menggunakan ayat di atas, buat sekeping kad ucapan hari lahir untuk ayah kamu.




**TEMA
2**

PERPADUAN

Hidup Bersatu Padu

Tumbuh cili di tanah pamah,
Tanam cendawan juga peria;
Saling kenali bersikap ramah,
Banyak kawan hidup ceria.



Pohon jati pohon keranji,
Di pinggir lata tumbuh cemara;
Hormat-menghormati amalan terpuji,
Kasih kita kekal terpelihara.

Bunga raya bunga selasih,
Dijaga dibaja setiap masa;
Balai raya perlulah bersih,
Saling bekerja pelbagai bangsa.



Aktiviti

Lafazkan pantun.



Sahabat Karib



Mendengar dan Bertutur

Kenali Rakan

Yahya dan rakan-rakannya bermain permainan “Kerusi Panas”. Yahya mendapat giliran yang pertama.

Hari: Isnin Bahasa Melayu Tarikh: 8 Mac 20□□

Objektif Pembelajaran:
Murid dapat bertutur dan menjawab soalan.

Permainan Kerusi Panas

Adakah kamu mempunyai rakan baik?

Ya, saya ada rakan baik.

Siapakah nama rakan baik kamu itu?

Mengapakah kamu menganggap dia sebagai rakan baik kamu?

Apakah keistimewaan rakan baik kamu itu lagi?

Saya menganggap dia sebagai rakan baik kerana dia suka menolong saya.

Mendengar dan bertutur untuk menjawab soalan.



Membaca


Kawan Baikku

Rahisin kawan baik Yahya. Dia berasal dari Sabah. Bapanya bernama Zakuan. Ibunya bernama Rusila.

Kegemaran Rahisin dan Yahya membaca buku. Mereka selalu berbincang tentang pelajaran. Mereka sangat pandai.

Selain itu, Rahisin sangat bertanggungjawab terhadap kawan. Rahisin akan menegur Yahya dengan sopannya jika dia melakukan kesilapan. Yahya menerima teguran dengan hati yang terbuka.

Yahya berasa gembira kerana mempunyai kawan yang baik hati dan prihatin seperti Rahisin.



1. Siapakah Rahisin?
2. Nyatakan sifat Rahisin.



Aktiviti

Membaca dan memahami perenggan dan petikan.

Nota Guru

- Minta murid menjawab pernyataan berdasarkan perenggan dan petikan.

Strategi: KB – Mencirikan
EMK: Nilai Murni – Hormat-menghormati

Pembelajaran Kontekstual –
Menghubungkaitkan

2.1.2
(iii) & (iv)
BA1: 26–27





Menulis

Bantu-membantu

Yahya ketua **Kelas Tahun 2 Mawar**. Dia **tegas** tetapi baik hati. Dia sekelas dengan Soo Mei, Yong Han, Pravin dan Lageswari.


tu gas

mengumpul buku latihan


tu lis

ke dalam bakul sampah




Setiap pagi, mereka saling mengingatkan rakan-rakan tentang jadual  di dalam kelas.



Yahya membantu Yong Han membuang sampah .



Pravin yang lebih tinggi membantu Yahya memadam papan .



Soo Mei dan Lageswari bersama-sama .



Aktiviti

Membina dan menulis perkataan dan frasa berdasarkan bahan.



Seni Bahasa

Berbakti kepada Kawan

Pada waktu rehat, Yahya terpandang akan rakan baiknya, Yong Han, yang sedang termenung. Yahya susah hati. Dia **ingin membantu** Yong Han kerana hubungan mereka **bagai isi dengan kuku**.



Akhirnya, Yong Han berjaya untuk menyiapkan kerja sekolah dengan pertolongan Yahya. Yong Han berjanji tidak akan melupakan jasa Yahya. Dia tidak akan bersikap seperti kacang lupakan kulit.



Aktiviti

Bercerita dan menuturkan dialog yang mengandungi perumpamaan.

Nota Guru

- Minta murid mengujarkan cerita yang mengandungi perumpamaan dengan sebutan dan intonasi yang betul.

Strategi: KB – Menghubungkan
EMK: Nilai Murni – Baik hati

KP: Verbal-linguistik

4.1.1 (iii)
BA1: 30





Kata Kerja Aktif Transitif

Rakanku Tanggungjawabku

Pada suatu hari, Yahya terlupa untuk membawa wang ke sekolah. Dia tidak pergi ke kantin untuk membeli makanan. Oleh itu, kawan-kawannya .



mengumpulkan



memberikan



Aktiviti

Mengenal pasti dan menggunakan kata kerja aktif transitif mengikut konteks.

Info Bahasa

Kata kerja aktif transitif ialah kata kerja yang mesti disertai oleh objek.

Contoh: *membaca* buku, *mengelap* meja, *menyapu* sampah




Hidup Berjiran



Mendengar dan Bertutur

Bantu Jiran



Yahya, minta alihkan ampaiian di rumah Wai Hoon.

Baiklah, ibu. Saya akan mengalihkan ampaiian itu.

Lageswari, mari tolong saya alihkan ampaiian ini. Kemudian, sila masukkan pakaian itu ke dalam bakul.

Baiklah, Yahya. Saya ...

Info Bahasa

Ayat suruhan ialah ayat untuk memberi arahan atau memerintah seseorang.

Terima kasih, Yahya dan Lageswari. Mujur tidak basah pakaian di ampaiian.

Harap kamu berdua jadikan sikap tolong-menolong ini sebagai amalan. Silalah masuk ke rumah mak cik.



Aktiviti

Mendengar dan memberikan respons terhadap suruhan.



Nota Guru

- Bimbing murid melakonkan situasi dan memberikan respons.
- Strategi: KB – Menghubungkan
- EMK: Nilai Murni – Semangat bermasyarakat
- KP: Interpersonal

1.1.2 (ii)
BA1: 33





Membaca

Majlis Pengikat Kemesraan

Pada hari Sabtu, Puan Jeya, ibu Lageswari, mengadakan jamuan. Jamuan itu bersempena dengan kejayaan salah seorang anaknya melanjutkan pelajaran ke **menara gading**.

Pada pagi itu, semua penduduk Taman Rasa Indah daripada **pelbagai bangsa** berkumpul di rumahnya. Mereka membantu Puan Jeya menyediakan pelbagai **juadah**.

Ibu Yahya memasak **nasi kerabu**. Beliau dibantu oleh ibu Yong Han. Puan Jeya dan ibu Hana membuat **tose**. Selepas makanan dan minuman siap disediakan, mereka **menikmati** makanan dengan gembiranya.

Sebelum pulang, Encik Yoga dan rakan-rakannya berkemas. Mereka **bergotong-royong** dengan membantu Puan Jeya. Puan Jeya **terharu** dengan sikap kerjasama dan tolong-menolong penduduk Taman Rasa Indah.



menara gading

Info

- Tose ialah makanan India yang dibuat daripada tepung beras.
- Nasi kerabu ialah hidangan nasi berwarna kebiruan, yang biasanya dimakan dengan ikan kering, ayam goreng, daging bakar, telur masin, keropok, budu dan ulam-ulaman.



Aktiviti

Mengenal pasti kosa kata dalam petikan.



Nota Guru

- Bimbing murid memahami dan mengenal pasti kosa kata.

Strategi: KB – Mengenal pasti

EMK: Nilai Murni – Kerjasama

BCB: Bacaan luncuran dan imbasan

2.2.1 (i)
BA1: 34–35



Menulis

Orang Berbudi, Kita Berbahasa

Sang Kura-kura demam. Ibu dan bapa Sang Kura-kura susah hati. Mereka hendak pergi bekerja. Mereka tidak sanggup membiarkan **Sang Kura-kura bersendirian** di rumah.



1. Ibu Sang Kura-kura ke rumah Sang Landak.
2. Dia meminta tolong Sang Landak menjaga anaknya.



3. Ibu bapa Sang Kura-kura membawa anaknya ke rumah Sang Landak.
4. _____ membawa bekal.



5. _____ menyuapkan _____.
6. _____ melawat _____.



7. _____.
8. _____.

Ibu Sang Kura-kura sungguh terharu. Dia bangga kerana mempunyai jiran yang baik hati.



Aktiviti

Membina dan menulis ayat berdasarkan gambar.

Nota Guru

- Minta murid memahami gambar bersiri untuk melengkapkan cerita.
- Strategi: KB – Menjanakan idea
EMK: Nilai Murni – Bertimbang rasa
- Pembelajaran Kontekstual –
Mengembangkan idea

3.2.1 (iii)
BA1: 36





Seni Bahasa

Seia Sekata

Batu geliga batu permata,
 Cincin suasa di dalam peti;
 Jiran tetangga saudara kita,
 Setiap masa perlu dihormati.

Asam gelugur dijemur sekata,
 Di atas para di depan halaman;
 Tegur menegur sesama kita,
 Hidup mesra sentiasa aman.

Buluh dibelah di halaman rumah,
 Dibuat para pohon peria;
 Jiran sebelah bersikap ramah,
 Kita gembira mereka ceria.

Di hujung desa kumpul jerami,
 Jerami diikat dibuat tikar;
 Bertimbang rasa saling memahami,
 Tanda muafakat tanpa bertengkar.



Ciri-ciri Pantun

Pembayang Maksud

Batu geliga batu permata,
Cincin suasa di dalam peti;

Maksud

Jiran tetangga saudara kita,
Setiap masa perlu dihormati.



Aktiviti

Melafazkan dan mengenal pasti pembayang maksud dan maksud pantun.



Kata Kerja Pasif

Terima Kasih, Jiranku

Hujan masih turun. Bas sekolah yang membawa Lageswari telah sampai di hadapan rumahnya. Dia tidak dapat turun. Payung tidak **dibawa** oleh Lageswari.

Ibu Yahya ternampak Lageswari berdiri di tangga bas. Oleh itu, ibu Yahya memberikan payung kepada Yahya. 🙄



Payung itu **diambil** oleh Yahya.



Dua kaki payung **dibawa** 🙄.



Payung merah **diberikan** kepada 🙄.



- **digalas**
- **dijinjit**



Aktiviti

Menggunakan kata kerja pasif untuk membina ayat.

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti kata kerja pasif yang sesuai berdasarkan bahan.

Strategi: KB – Menhubungkaitkan
EMK: Nilai Murni – Keprihatinan

Pembelajaran Kontekstual –
Menhubungkaitkan

Info Bahasa

Kata kerja pasif ialah kata kerja hasil daripada proses perubahan ayat aktif menjadi ayat pasif.

5.1.2 (ii)
BA1: 38-39





Kata Adjektif Sifat

Saling Melengkapi

Nama aku Proton Ertiga. Ruang di dalam badan aku agak **luas**. Anggota badanku sangat **kukuh**.



Aku mempunyai kusyen yang 😊. Tuan aku dapat duduk dengan selesanya. Alas kakiku pula sungguh 😊.

Seterusnya, tuan aku tidak akan berasa panas kerana penyaman udara aku amat 😊. Cermin hadapanku sangat 😊. Oleh itu, tuan aku dapat melihat objek dengan jelasnya.

Akhir sekali, tayarku berpusing 😊 semasa tuan aku memandu aku. Kami cepat sampai ke tempat yang dituju.

Info Bahasa

Kata adjektif sifat ialah kata yang menerangkan sifat sesuatu.
Contoh: kasar, wangi dan halus.



Aktiviti

Menggunakan kata adjektif sifat untuk melengkapi cerita.



Sepakat Membawa Berkat



Mendengar dan Bertutur

Berbincang dalam Ceria

Ibu bapa kita mempunyai kepakaran masing-masing. Mari kita belajar daripada mereka.

Baiklah, Pravin. Saya akan menyampaikan pesanan kamu kepada ayah saya.

Wah, bagus idea kamu! Yahya, tolong beritahu ayah kamu, esok kami ingin belajar bahasa Melayu daripada beliau.

Baiklah. Saya akan 🗨️.

Rahisin, bapa kamu pula hebat dalam bidang sains. Pesan kepada beliau kami ingin belajar sains.

Yong Han, ibu kamu bijak matematik. Beritahu beliau kami ingin belajar matematik.

Baiklah. Saya akan 🗨️.



Aktiviti

Memberikan respons terhadap pesan.

Nota Guru

- Bimbing murid mendengar dan memberikan respons.
- AT: Lakukan simulasi.
Strategi: KB – Menyelesaikan masalah
EMK: Nilai Murni – Kerjasama

KP: Interpersonal

1.1.2 (iii)
BA1: 41



33



Membaca

Jiran Sepakat

Encik Jamil berbincang dengan kawan-kawannya tentang aktiviti Sarana Komuniti Taman Rasa Indah. Mereka bersetuju untuk mengadakan kelas bimbingan bagi anak-anak mereka.

Mereka membuat keputusan. Pada malam Isnin, Encik Musa akan mengajar bahasa Inggeris. Pada petang Selasa, Encik Jamil mengajar bahasa Melayu. Ibu Yong Han akan mengajar matematik, manakala bapa Rahisin akan mengajar sains pada setiap petang Sabtu dan Ahad.


Kelas bimbingan itu akan diadakan secara percuma. Yahya dan kawan-kawannya perlu membawa buku latihan dan buku catatan sahaja.

Kelas bimbingan ini mendapat sambutan yang menggalakkan. Adajuga kawan-kawan Yahya dari taman lain turut serta. Program sarana ini dapat memberikan faedah kepada anak-anak mereka.

Isi tersurat



berbincang dengan kawan-kawan



membuat



Aktiviti

Mengenal pasti isi tersurat.

Nota Guru

- Bimbing murid untuk memahami isi tersurat dalam petikan.
- Strategi: KB – Mengenal pasti BCB: Bacaan Intensif
EMK: Nilai Murni – Tanggungjawab terhadap masyarakat

2.2.1 (ii)
BA1: 42-43



Menulis

Berkat Kerjasama



- menggunakan komputer
- melayari Internet

Yahya dan kawan-kawannya **menggunakan komputer** untuk belajar. Mereka **melayari Internet** di makmal komputer.



- belajar secara berkumpulan
- saling membantu

Selain itu, Yahya dan kawan-kawannya belajar secara berkumpulan. Mereka saling membantu.



- melihat keputusan
- berasa gembira
- mengucapkan tahniah



- berbaris
- menerima hadiah
- bertepuk tangan



Info Bahasa

Penanda wacana ialah perkataan ataupun rangkai kata yang digunakan untuk merangkai ayat supaya ada penyambungan idea.
Contoh: *sekerusnya, selepas itu, selain itu..*



Aktiviti

Membina dan menulis ayat menjadi perenggan.



Kata Adjektif Warna

Kamar Ilmu

Yahya dan abangnya membuat label pada rak almari buku di kamar ilmu rumah mereka. Label itu sangat penting agar mereka mudah mencari buku untuk dibaca.

Rak kamus dilabelkan dengan warna biru. Pelbagai kamus disusun di rak itu. Rak  .



Kini, kamar ilmu itu lebih kemas. Yahya dan abangnya gembira. Mereka sering membaca buku di kamar ilmu itu.

Info Bahasa

Kata adjektif warna ialah perkataan yang membawa pengertian warna pada objek. Contoh: *biru, merah, hijau, jingga, putih* dan warna-warna lain.



Aktiviti

Menggunakan kata adjektif warna untuk melengkapkan cerita.

Nota Guru

- Minta murid mengenal pasti kata adjektif warna.

Strategi: KB – Mengecam

EMK: Nilai Murni – Berterima kasih

Pembelajaran Kontekstual –

Menghubungkaitkan

5.1.3 (ii)
BA1: 46






Kata Adjektif Ukuran

Berat Menjadi Ringan

Ayah Hana membantu Hana dan kawan-kawannya membina perpustakaan mini di kelas Hana. Perpustakaan itu di sudut kelas Hana.

Pada hari minggu, ayah Hana dan kawan-kawan Hana mula bekerja. Ayah Hana memaku kayu yang **panjang** untuk dijadikan rak buku. Yahya dan Yong Han menampal kertas warna yang **nipis** pada dinding.

Hana dan Lageswari pula  .



Info Bahasa

Kata adjektif ukuran ialah kata yang menerangkan ukuran sesuatu kata nama seperti *tebal*, *luas*, *panjang* dan lain-lain.



Aktiviti

Menggunakan kata adjektif ukuran untuk melengkapkan cerita.



Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti kata adjektif ukuran.

Strategi: KB – Menghubungkan
EMK: Nilai Murni – Baik hati

Pembelajaran Konstruktivisme –
Menerangkan

5.1.3 (iii)
BA1: 47–48





Kata Kerja Aktif Transitif dan Kata Kerja Pasif

Berbakti kepada Jiran


Nek Temah jiran Hana. Pada suatu hari, Nek Temah sakit. Oleh itu, Hana dan ibunya memasak makanan untuk Nek Temah.

Mula-mula, Hana memotong sayur dengan pisau di dapur. Sayur itu digoreng oleh ibu Hana.

Seterusnya, Hana memasak bubur. Bubur itu disenduk oleh Hana dengan cermatnya.


Selepas itu, bubur itu  kepada Nek Temah. Nek Temah  kerana berasa gembira.

Ibu Hana pula  pakaian Nek Temah. Pakaian itu  dengan rapinya.



mengemas

disusun



disuap

tersenyum



Aktiviti

Menggunakan kata kerja aktif transitif dan kata kerja pasif untuk membina ayat.

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti kata kerja aktif transitif dan kata kerja pasif.

Strategi: KB- Menghubungkaitkan
EMK: Nilai Murni – Baik hati

Pembelajaran Kontekstual –
Memahami dan menjelaskan

5.1.2
(i) & (ii)



39



Pengukuhan

Berikan respons dengan betulnya.

Soo Mei, beritahu abang kamu esok Hari Sukan Perpaduan akan diadakan.

Baiklah, Pravin. Saya akan beritahu abang saya esok Hari Sukan 😊👍

Soo Mei, maklumkan kepada abang kamu, bahawa dia akan berpasangan dengan Rahman semasa bermain badminton.

Baiklah, Pravin. Saya akan menyampaikan pesanan kamu, iaitu abang saya akan berpasangan dengan 😊👍

Akhir sekali, pesan kepada abang kamu supaya memakai pakaian sukan Rumah Merah.

Baiklah, ... 😊👍



Penilaian

Indahkan Taman

Bina perenggan.



- berkumpul
- berpakaian
- menyediakan alatan

- menegakkan tayar
- memegang tayar
- menyusun batu-bata




- menulis nama taman
- mengecat tayar
- menanam pokok


Penduduk Taman Rasa Indah berkumpul di jalan masuk ke taman. Mereka berpakaian yang sesuai untuk bergotong-royong. Mereka menyediakan alatan seperti .

Selepas itu, mereka .

Bercerita berdasarkan gambar.




membuka



mencari

membantu

melihat



Yahya pulang dari sekolah. Dia terus ke sangkar kucingnya. Yahya .



Bacaan Luas

Amalan Kunjung-mengunjung

Amalan kunjung-mengunjung ke majlis rumah terbuka sesuatu kaum amat baik. Amalan ini telah menjadi kebiasaan bagi rakyat Malaysia.

Amalan ini bukan sahaja dapat dilihat pada sambutan Hari Raya Aidilfitri, bahkan juga pada perayaan seperti Tahun Baharu Cina, Deepavali dan perayaan kaum lain di negara ini.

Perpaduan kaum dapat diertatkan semasa sambutan majlis ini. Semua kaum berbual dengan mesranya. Mereka duduk semeja dan makan bersama-sama. Oleh itu, amalan ini dapat melahirkan masyarakat Malaysia yang bersatu hati.

Seterusnya, amalan ini dapat melahirkan rakyat yang saling menghormati. Perasaan kasih sayang dapat disemai walaupun berbeza bangsa dan agama.

Kita perlu meneruskan budaya ini dalam kalangan masyarakat Malaysia. Budaya ini penting bagi mengekalkan perpaduan antara kaum.

(Sumber: diubah suai daripada *Berita Harian*, 9 November 2015)





TEMA
3

KEBERSIHAN DAN KESIHATAN



Aktiviti

Berbual berdasarkan gambar.



Kebersihan Bermula dari Rumah



Mendengar dan Bertutur

Bersih dan Kemas

Hana, **tolong** lapkan kepala katil dengan kain lembap supaya tiada habuk.

Ibu **harap** kamu tukar cadar dan sarung bantal juga.

Baiklah, ibu.

Ya, **ibu**. Kata Cikgu Johari, cadar dan sarung bantal perlu ditukar selalu supaya tidak membiakkan bakteria.



Habuk pada langsir ini tidak baik untuk kesihatan. Tolong ibu keluarkan cangkuknya.

Harap kamu masukkan langsir ini ke dalam mesin basuh.



Aktiviti

Mendengar dan memberikan respons terhadap permintaan.



Membaca

Kebersihan Milik Bersama



Pada hari minggu, Hana dan ahli keluarganya **bersama-sama membersihkan rumah**. Kebersihan rumah keutamaan bagi mereka.

Isi Tersirat

- bekerjasama

Mereka membersihkan semua bahagian rumah. Setiap ahli keluarga **mempunyai tugas masing-masing yang telah ditetapkan**.

Isi Tersirat

- mematuhi arahan

Hana, kakak dan ibu mengemas bahagian dalam rumah. Mereka **memastikan rumah mereka tiada sampah sarap dan kotoran**.

Isi Tersirat



Abang dan ayah pula membersihkan longkang dan halaman rumah. Mereka **membuat kerja dengan bersungguh-sungguh**.

Isi Tersirat



Mereka gembira kerana rumah itu **dibersihkan oleh mereka sendiri**.

Isi Tersirat



Aktiviti

Menyatakan isi tersirat berdasarkan isi tersurat.

Nota Guru

- Bimbing murid memahami teks untuk mencari isi tersirat.

Strategi: KB – Menaakul

BCB: Bacaan intensif

EMK: Nilai Murni – Tolong-menolong

2.2.1 (iii)
BA1: 50-51





Menulis

Basuh Sebelum Makan

“Bolehkah saya makan buah jambu ini?” tanya Hana kepada ibunya.

“Boleh, tetapi basuhlah tangan kamu sebelum makan. Jangan lupa basuh buah jambu itu untuk menghilangkan kotoran,” pesan ibunya.

“Baiklah, ibu,” jawab Hana sambil membawa buah jambu itu ke singki.

1. Siapakah yang hendak makan buah jambu?
Hana yang hendak makan buah jambu.
2. Apakah yang perlu dilakukan oleh Hana sebelum makan?
Hana perlu membasuh tangannya sebelum makan.
3. Mengapakah buah jambu itu perlu dibasuh? 🐜.
4. Nyatakan akibatnya jika buah jambu tidak dibasuh sebelum dimakan. 🐜.



Aktiviti

Menulis jawapan pemahaman berdasarkan soalan bertumpu dan bercapah.



Utamakan Kebersihan Diri

Masak kari si ikan kaci,
Potong bersegi sayur umbut;
Peralatan diri hendaklah suci,
Berus gigi dan sikat rambut.

rima akhir

Mawar mekar / disinari mentari,
Petik setangkai / si gadis desa;
Baju bertukar / setiap hari,
Tubuh memakai / baru selesa.

Kain lusuh bawa ke dapur,
Boleh dibuat pengalas kaki;
Kasut dibasuh kemudian berkapur,
Cantik dilihat tidak berdaki.

Rumpun pandan melindungi telaga,
Daunnya lebat bertingkat-tingkat;
Seluruh badan bersih terjaga,
Barulah sahabat hendak mendekat.



Info Bahasa

Rima ialah bunyi yang sama pada huruf atau kata akhir dalam sesuatu rangkap pantun.

Jeda ialah hentian di tengah baris pantun. Dalam pantun kedua di atas, jeda ditandai dengan lambang /.



Aktiviti

Melafazkan dan mengenal pasti ciri-ciri pantun.

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti rima akhir dan jeda pantun.

Strategi: KB – Mencirikan

KP: Verbal-linguistik

EMK: Nilai Murni – Kebersihan fizikal

4.2.1 (ii)
BA1: 54





Kata Adjektif Bentuk

Kemas di Dapur



Jam **segi tiga** pada dinding menunjukkan pukul 1:30 tengah hari. Hana membantu ibunya di dapur.

Dia mengumpulkan dan membuang sisa makanan ke dalam tong sampah berbentuk **silinder**. Tong itu ditutup dengan penutup **bulat** bagi menghindari bau busuk.

Ibu membasuh pinggan mangkuk dengan cecair pencuci dan span yang berbentuk **segi empat sama**. Pinggan mangkuk itu kemudian dibilas sehingga bersih.

Hana menyusun pinggan mangkuk itu di atas rak yang berbentuk **segi empat tepat**. Terdapat pelbagai bentuk pinggan mangkuk seperti 🍽️.

Akhir sekali, dia mengelap meja makan yang berbentuk 🍽️.

Info Bahasa

Kata adjektif bentuk ialah perkataan yang membawa maksud rupa bentuk sesuatu benda.
Contoh: *bulat, silinder, lonjong, segi tiga.*



Aktiviti

Menggunakan kata adjektif bentuk mengikut konteks untuk bercerita.



Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti kata adjektif bentuk yang terdapat dalam teks.

Strategi: Mencirikan
EMK: Nilai Murni – Kerajinan

Pembelajaran Kontekstual –
Menghubungkan

5.1.3 (iv)
BA1: 55–56



Jadikan Amalan



Mendengar dan Bertutur

Kesihatan Mata

Panduan Menjaga Kesihatan Mata ketika Menonton Televisyen

- **Pastikan anda memasang lampu ketika menonton televisyen pada waktu malam.** Perbuatan menonton televisyen dalam keadaan yang gelap akan merosakkan mata.
- **Elakkan menonton terlalu lama.** Mata akan letih kerana berfokus pada skrin televisyen sahaja. Alihkan pandangan mata ke tempat lain ketika siaran iklan.

Ayah, saya ada terbaca panduan menjaga kesihatan mata ketika menonton televisyen.

Menurut panduan itu 🗨️:

Kalau kita menonton dalam keadaan gelap 🗨️:

Tahu, ayah. 🗨️:



Oh, ya! Apakah perkara utama yang tercatat dalam panduan itu?

Apakah yang akan berlaku kalau kita menonton dalam keadaan gelap?

Selain itu, kita juga tidak digalakkan untuk menonton terlalu lama. Tahukah Hana mengapa?

Bagus, Hana. Bolehkah Hana beritahu ayah cara-cara menjaga kesihatan mata?



Aktiviti

Memberikan respons dengan membuat tafsiran terhadap soalan bercapah.

Nota Guru

- Bimbing murid mendengar dengan berkesan untuk membuat tafsiran.

Strategi: KB – Membuat inferens

EMK: Nilai Murni – Rasional

KP: Interpersonal

1.1.3 (i)
BA1: 57





Membaca

Menu Seimbang

Hana dan rakan-rakannya melawat pameran bersempena dengan Minggu Kesihatan di sekolah. Mereka tertarik akan poster yang dipamerkan.




Menu sihat harian mestilah seimbang dan mempunyai empat kumpulan makanan seperti yang kelihatan dalam Piramid Makanan Malaysia, iaitu:

1. Hasil bijirin seperti nasi, mi atau roti.
2. Buah-buahan dan sayur-sayuran.
3. Ikan, ayam, daging, telur serta susu dan produk tenusu.
4. Lemak, minyak, gula dan garam.

Idea Utama:

Menu sihat harian perlu ada hidangan utama yang terdiri daripada hasil bijirin dan tiga hidangan yang lain.

Piramid Makanan Malaysia



Piringan Sihat Malaysia

Piringan Sihat Malaysia membantu kita mendapat makanan seimbang.

1. Isi **suku** pinggan dengan hasil bijirin serta nasi, mi atau roti.
2. Isi **suku** pinggan lagi dengan ikan, ayam, daging atau telur.
3. Isi **separuh** pinggan dengan sayur dan buah.
4. Bagi melengkapkan hidangan, minum air kosong atau minuman tanpa gula, susu atau produk susu.

Idea Utama:



(Sumber: Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia)



Aktiviti

Mengenal pasti idea utama.



Nota Guru

- Bimbing murid memahami teks dan bahan grafik untuk mengenal pasti idea utama.

Strategi: KB – Menaakul
EMK: Nilai Murni – Kesederhanaan

Pembelajaran Kontekstual –
Menilai dan mentaksir

2.2.1 (iv)
BA1: 58–59








Menulis

Minumlah Air untuk Cergas dan Cerdas


Air ialah komponen utama di dalam badan manusia. Kita digalakkan untuk minum air kosong.

Jumlah air yang diminum bergantung pada keadaan cuaca dan tahap fizikal seseorang. Kanak-kanak dan remaja yang berusia antara empat hingga 18 tahun digalakkan untuk minum enam hingga lapan gelas air sehari.

Kita perlu minum air dengan kerapnya walaupun tidak berasa dahaga. Kanak-kanak yang kekurangan air akan lesu dan mengantuk. Keadaan ini akan mengganggu tumpuan mereka di dalam kelas. Oleh itu, minumlah air secukupnya supaya badan cergas dan otak cerdas.

1. Mengapakah kita digalakkan untuk minum air kosong?  .
2. Bagaimanakah faktor usia seseorang mempengaruhi jumlah air yang diminum?  .
3. Mengapakah kita perlu minum air walaupun tidak berasa dahaga?  .
4. Bagaimanakah cara meningkatkan tumpuan murid ketika berada di dalam kelas?   .

(Sumber: Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia)



Aktiviti

Membina dan menulis jawapan pemahaman.

Nota Guru

- Bimbing murid memahami teks untuk menjawab soalan bercapah.
- Strategi: KB – Mensintesis
EMK: Nilai Murni – Rasional
- Pembelajaran Kontekstual –
Menilai dan mentaksir

3.2.2 (ii)
BA1: 60–61






Jagalah Kesehatan Diri

Dari Kukup pergi ke Banting, —————→ baris 1
 → Bawa ragi di dalam raga; —————→ baris 2
 Tidur cukup sangatlah penting, —————→ baris 3
 → Bangun pagi lebih bertenaga. —————→ baris 4


rangkap

Daun palas dianyam jemari,
 Rendang dimasak berkuah santan;
 Enam gelas air sehari,
 Minumlah banyak demi kesihatan.



Terbang ligat si anak kumbang,
 Terpikat warna putih melati;
 Makanan berkhasiat lagi seimbang,
 Tubuh sempurna cegah obesiti.

Enak rambutan semanis gula,
 Berbuah lebat di Batu Pahat;
 Dapatkan rawatan secara berkala,
 Hidup hebat terjamin sihat.



Aktiviti

Mengenal pasti format penulisan pantun.



Kata Adjektif Waktu

Program Sihat dan Cergas

SELAMAT DATANG KE BLOG SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN RASA INDAH 20□□

BERSATU TEGUH, BERCERAI ROBOH

Jumaat, 23 Februari 20□□

PROGRAM SIHAT DAN CERGAS

Tahniah unit kokurikulum sekolah kerana telah berjaya melancarkan program senamrobik pada **petang** semalam. Program ini diadakan pada setiap **pagi** Selasa.

Senaman dimulai dengan pergerakan yang **perlahan** sebelum bertukar menjadi **pantas**. Pergerakan diiringi muzik dan dipimpin oleh Cikgu Nazri.

Semenjak program ini diadakan, murid-murid sering datang **awal** ke sekolah. Mereka tidak lagi lewat ke sekolah kerana tidak mahu ketinggalan dalam aktiviti senaman ini.

Waktu senaman singkat sahaja tetapi warga sekolah tetap berpeluh. Jantung aktif mengepam darah dengan lajunya ke seluruh anggota badan. Badan akan segar dan cergas selepas bersenamrobik. Murid-murid juga dapat menumpukan perhatian dengan lebih baik.

Kata Adjektif Waktu

Perenggan 1

- petang
- pagi

Perenggan 2

- perlahan
- pantas

Perenggan 3

- awal
-  .

Perenggan 4

-  .
-  .



Aktiviti

Menggunakan kata adjektif waktu untuk membina ayat.

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti kata adjektif waktu.

Strategi: KB – Mengenal pasti
EMK: Nilai Murni – Menjaga Kesihatan

Pembelajaran Kontekstual –
Memindahkan

5.1.3 (v)
BA1: 63






Kata Hubung


Cantik dan Sihat



Hana ditemani oleh ayahnya ke Klinik Pergigian Doktor Huda untuk membuat pemeriksaan gigi. Hana keluar dari kereta **lalu** berjalan bersama dengan ayahnya ke klinik. Mereka berjalan **sambil** berbual-bual.

Doktor memeriksa gigi Hana di dalam bilik rawatan. Ayahnya menunggu di luar bilik rawatan  membaca surat khabar.



- Gigi Hana bersih.
- Gigi Hana cantik.
- Gigi Hana bersih **dan** cantik.
- Doktor memuji Hana.
- Hana menjaga giginya dengan baik .



Aktiviti



Info Bahasa

Kata hubung ialah perkataan yang menggabungkan dua binaan ayat. Contoh: *dan, sambil, kerana, atau*

Menggunakan kata hubung untuk membina ayat.



Aktifkan Diri



Mendengar dan Bertutur

Langkah yang Sihat

Lageswari, saya tunggu kamu di rumah saya, esok. Kita berjalan kaki bersama-sama ke sekolah.

Baiklah, Soo Mei. Sambil berjalan, dapatlah kita berpeluh. Kita berdua sahaja?

Tolong ajak Hana sekali.

SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN RASA INDAH

Hana, Soo Mei berpesan supaya 🚗.

Baiklah, jika kita berjalan kaki ke sekolah, kita akan 🚗.

Dia minta kita tunggu di rumahnya.

Aktiviti



Memberikan respons dengan membuat tafsiran terhadap pesanan.

Nota Guru



- Minta murid mendengar dengan berkesan untuk membuat tafsiran.
- AT: Lakukan simulasi.
- Strategi: KB – Menaakul
- EMK: Nilai Murni – Amanah

KP: Interpersonal

1.1.3 (ii)
BA1: 65





Membaca

Mari Naik Tangga

Aktiviti menaiki tangga ialah senaman yang sihat dan mudah. Aktiviti ini boleh dilakukan pada bila-bila masa dan di mana-mana.

Terdapat beberapa faedah menaiki tangga. Antara faedah menaiki tangga ialah kadar degupan jantung akan meningkat. Kecergasan badan bertambah baik apabila jantung aktif. Aktiviti menaiki tangga juga boleh membakar lemak di dalam tubuh.

Badan kita akan sihat dan cergas sekiranya kita kerap menaiki tangga. Oleh itu, amalkanlah aktiviti menaiki tangga selalu.

Cara-cara menaiki tangga adalah seperti yang berikut:



Letakkan tapak kaki pada permukaan anak tangga.



Bengkokkan lutut dan pastikan kedudukan bahu mendepani bahagian pinggang.



Pijak anak tangga satu demi satu sambil memegang besi pemegang.

(Sumber: diubah suai daripada vitallyvitamin.info)

Idea Utama	Idea Sampingan
Aktiviti menaiki tangga ialah senaman yang sihat dan mudah.	Boleh dilakukan pada bila-bila masa dan di mana-mana.
Cara-cara menaiki tangga	<ol style="list-style-type: none"> Letakkan tapak kaki pada permukaan anak tangga. Bengkokkan lutut 🧐. 🧐.
Faedah menaiki tangga	<ol style="list-style-type: none"> Kadar degupan jantung akan meningkat. 🧐. 🧐.



Aktiviti

Nyatakan idea sampingan berdasarkan idea utama.





Menulis

Rutin Mingguan Yahya

Aktiviti membasuh basikal rutin mingguan Yahya. Aktiviti itu dapat mengisi masa lapang dan menyihatkan badannya.

Sebelum membasuh basikal, Yahya menyediakan peralatan seperti baldi, berus, sabun dan kain lap. Otot-otot anggota badannya bergerak ketika dia membongkok dan mengangkat peralatan itu.

Mula-mula, Yahya membasuh badan basikal. Kemudian, dia mencuci jejari dan tayar basikal. Selepas itu, dia mengelap basikalnya sehingga kering sebelum menyimpannya.

Akhir sekali, Yahya akan berehat dan minum air untuk mencergaskan badannya semula. Yahya seronok. Bukan sahaja badannya sihat, malah basikalnya juga bersih.




Membasuh Basikal



Sebelum

- menyediakan peralatan

Semasa

- membasuh badan basikal
- mencuci jejari dan tayar basikal
-  .

Selepas



Aktiviti

Menyusun dan mencatat maklumat yang bermakna.

Nota Guru

- Minta murid memahami teks untuk melengkapkan peta grafik.
- Strategi: KB – Mengumpul dan mengelaskan BCB: Mencatat nota
EMK: Nilai Murni – Kerajinan

3.2.3
BA1: 67





Kata Sendi Nama

Berkemas sambil Bersenam



di

Hana **di** dalam biliknya. Dia hendak mengemas meja belajarnya.



dari/daripada

Hana mengambil alat tulis **dari** atas meja dan **di** dalam laci. Alat tulis **di** atas meja lebih banyak **daripada** alat tulis **di** dalam laci.



di/ke

Hana meletakkan barang-barang itu **di** bawah meja. Dia membuang barangan yang buruk **ke** dalam bakul sampah.




ke/kepada

Ibu Hana . Beliau memberikan .



pada

 .



di

 .

Info Bahasa

Kata sendi nama ialah perkataan yang letaknya di hadapan kata nama atau frasa nama untuk menerangkan kata nama atau frasa nama tersebut.



Aktiviti

Membina ayat dengan menggunakan kata sendi nama mengikut konteks.

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti kata sendi nama dan membina ayat dengan menggunakan kata sendi nama tersebut.

Strategi: KB – Mencirikan
EMK: Nilai Murni – Kerajinan

Pembelajaran Kontekstual –
Menghubungkan

5.1.4 (ii)
BA1: 68



Kata Arah

Menjaga Kebersihan Almari Baju



di **hadapan** almari






di **sebelah** pintu



dari **dalam** almari

Yahya berdiri di **hadapan** almari bajunya. Almari itu di **sebelah** pintu. Dia hendak mengemas almari bajunya.

Mula-mula, Yahya membuang habuk di **belakang** almari dengan penyapu bulu ayam. Kemudian, dia mengeluarkan semua pakaian dari **dalam** almarnya. Dia menyusun pakaian itu di **atas** katil. Katil itu letaknya di **tepi** almari.

Apabila almari itu telah kosong, Yahya akan mengelap setiap tingkat di dalam almari. Dia mengelap dari bahagian  hinggalah ke bahagian . Dia juga mengelap bahagian .

Apabila almarnya telah bersih, Yahya akan memasukkan pakaian ke dalam almari.



di **atas** katil



bahagian **bawah**



bahagian **luar**

Info Bahasa

Kata arah ialah perkataan yang digunakan untuk menyatakan kedudukan, hala atau jurusan. Kata arah biasanya didahului dengan kata sendi nama.
Contoh: *atas, bawah, tepi, hadapan.*



Aktiviti

Melengkapkan teks dengan menggunakan kata arah mengikut konteks.

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti kata arah.

Strategi: KB – Membuat inferens

EMK: Nilai Murni – Rasional

KP: Interpersonal

5.1.4 (iii)
BA1: 69–70





Kata Sendi Nama dan Kata Arah

Mari Ikut Arahan



Aktiviti

Membaca dan mengenal pasti kata sendi nama dan kata arah.



Pemulihan

Tulis jawapan berdasarkan soalan di bawah.

Tangan adalah antara anggota badan yang penting. Kita menggunakan tangan untuk melakukan banyak aktiviti.

Kuman membiak pada tangan yang kotor. Oleh itu, tangan perlu dicuci sebelum dan selepas makan.

Tangan perlu dicuci dengan menggunakan sabun dan air yang bersih. Selepas cuci, lap tangan dengan tuala yang bersih. Lap sehingga kering.



1. Apakah antara anggota badan yang penting?

Antara anggota badan yang penting ialah _____.

2. Di manakah kuman membiak?

Kuman membiak pada _____.

3. Bilakah tangan perlu dicuci?

_____.

4. Bagaimanakah cara mencuci tangan?

_____.

5. Apakah yang perlu dilakukan selepas tangan dicuci?

_____.



Pengayaan

Permainan Gaya Hidup Sihat

Cara Bermain

1. Kamu boleh bermain secara berpasangan atau bertiga.
2. Mula dengan melambung buah dadu. Pemain yang mendapat mata yang paling banyak akan memulakan permainan.
3. Ikut arahan pada setiap petak. Pemenang ialah pemain yang mendapat paling banyak token pada akhir permainan.

7
Ambil 5 ★
dan
tambah
satu
giliran.

8
Jawab soalan nombor 3.
Jika betul, ambil 2 ★ dan
langkah terus
ke petak 9.
Jika salah, kekal
di petak ini.



9



Tamat

Kira jumlah ★ kamu.



6
Baca dengan kuat.
Saya mandi
sekurang-kurangnya
dua kali sehari.
Tahniah!
Ambil 3 ★

5
Hilang satu giliran.



4
Jawab soalan
nombor 2. Jika
betul, mara ke
petak 6. Jika salah,
kekal di petak ini.

1

Mula




2
Jawab soalan nombor 1.
Jika betul, naik ke petak 7.
Jika salah, undur
ke petak 1.



3

Baca dengan kuat.
Saya tidur awal
setiap malam.
Ambil 2 ★

Soalan:

1. Mengapakah kita perlu bertukar baju pada setiap hari?
2. Nyatakan alasan kita perlu minum air yang cukup. 
3. Cadangkan aktiviti yang boleh dilakukan supaya badan kita sihat dan cergas.

Nota untuk guru:

- Sediakan sekurang-kurangnya 20 token atau bintang, buah dadu dan butang.
- Sediakan panduan jawapan.





TEMA
4

KEBUDAYAAN KITA

Muzium Kaca Pulau Pinang



Baju Kurung Kedah



Amplang Negeri Sabah



Masjid Beijing Negeri Kelantan



Tarian Dabus Negeri Perak



Kota Darul Ehsan Negeri Selangor



Rumah Panjang Negeri Sarawak



Aktiviti

Nyatakan maklumat berdasarkan gambar dan peta.



Uniknya Budaya Kita



Mendengar dan Bertutur

Menariknya Tarian Dabus

- tarian tradisional negeri Perak
- menggunakan alat muzik seperti gendang, gong, kompang dan rebana
- menggabungkan tarian, muzik dan nyanyian
- penari membawa sejenis alat yang dinamakan anak dabus, iaitu besi tajam yang mempunyai cincin di sekeliling bahagian atasnya
- menonjolkan ciri-ciri pahlawan yang berani



(Sumber: JKKN Perak)

Kawan-kawan, semalam, saya telah menonton Tarian Dabus di televisyen.

Tarian Dabus ialah tarian tradisional negeri Perak. Tarian ini 🤔:

Yahya, apakah Tarian Dabus itu?



Aktiviti

Menjelaskan sesuatu perkara berdasarkan bahan.



Membaca



Tajuk: 😊

Soo Mei: Amboi, wanginya bau masakan mak cik! Mak cik masak apa?

Ibu Hana: Mak cik sedang memasak nasi ambeng.


Soo Mei: Mak cik, apakah nasi ambeng?

Ibu Hana: Nasi ambeng ialah **makanan tradisi masyarakat Jawa**, iaitu nasi putih yang **dihidangkan dalam dulang dengan makanan lain**, antaranya termasuklah mi goreng, ikan masin, sambal, serondeng kelapa, tempe dan ayam goreng.

Soo Mei: Apakah keistimewaan nasi ambeng, mak cik?

Ibu Hana: Nasi ambeng istimewa kerana setiap hidangan akan dimakan secara beramai-ramai. Situasi ini dapat **mengeratkan hubungan persaudaraan** dalam sesebuah keluarga dan masyarakat.

Soo Mei: Barulah saya faham. Terima kasih, mak cik.



Aktiviti

Menyatakan idea keseluruhan teks.



- Bimbing murid memahami teks dan mengenal pasti idea utama serta idea sampingan untuk mendapatkan idea keseluruhan.

Strategi: KB – Merumuskan
EMK: Nilai Murni – Hormat-menghormati

BCB: Bacaan intensif
Menilai (mencadangkan)

2.2.1 (vi)
BA1: 72-73



Menulis

Sedapnya Amplang

Rahisin dan keluarganya pulang ke Sabah. Nenek Rahisin menghidangkan **makanan tradisional** masyarakat Sabah, iaitu amplang. Nenek Rahisin menerangkan cara-cara untuk membuat **amplang**.

Bahan-bahan:

- 300 gram ikan tenggiri
- 280 gram tepung ubi
- 20 gram tepung gandum
- 1 biji telur
- 30 mililiter minyak masak
- 5 ulas bawang putih (dikisar)
- garam dan gula (secukup rasa)
- serbuk perasa yang dibenarkan

Mula-mula, sediakan **bahan**.



Kemudian, **rebus ikan** dan ambil isinya. Campurkan isi ikan dengan telur dan **minyak**.



Akhir sekali, goreng bebola dan **hidangkan panas-panas**.



Gaulkan bahan tersebut dengan air, tepung gandum dan tepung ubi. Jadikan **doh** berbentuk **bebola**. Kemudian, bebola itu direbus dan dikeringkan.



IMBAS SAYA

(Sumber: Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah)



Aktiviti

Menulis perkataan dan frasa yang diimplakkan.



Nota Guru

- Bimbing murid membaca ayat yang mengandungi perkataan dan frasa.
- Strategi: KB – Mengecam
EMK: Nilai Murni – Menghargai
- BCB: Mendengar dengan cepak

3.2.4
(i) & (ii)
BA1: 74



Seni Bahasa

Indahnya Budaya Sabah

Oh, indahnya budaya!
Budaya negeri Sabah
Banyak kaum di sana
Hidup aman damai.

ulang
2 kali

Owa owa owa owa owa owa oi



Tarian Sumazau

Korus:

Negeri Sabah di bawah bayu
Suku kaumnya bersatu padu
Adat warisan lama kekal terpelihara
Pelbagai budaya setia diamalkan.

ulang
2 kali



Sompoton

Oh, indahnya budaya!
Budaya negeri Sabah
Terkenal di Malaysia
Juga di seluruh dunia.

ulang
2 kali

Owa owa owa owa owa owa oi

ulang korus sehingga rangkap akhir



Tarian Limbai

*Irama lagu “Kenek-kenek Udang”



IMBAS SAYA



Aktiviti

Menyanyikan lagu sambil melakukan aksi mengikut seni kata.

Nota Guru

- Bimbing murid menyanyikan lagu dengan sebutan dan irama yang betul.

Strategi: KB – Membuat gambaran mental
EMK: Nilai Murni – Kebanggaan

KP: Muzik

4.2.2 (i)
BA1: 75





Kata Tanya

Baju Kurung Kedah

Lawatan sambil Belajar
ke Muzium
Negeri Kedah

Tarikh: 25.5.20□□
Hari: Jumaat
Masa: 8:30 pagi

Peserta: Murid-murid
Tahun 2 Bestari

• Apakah program yang disertai oleh mereka?

• Ke manakah murid-murid itu pergi melawat?

• Murid-murid pergi melawat ke sana bila?

• Yang pergi ke sana siapa?

- Baju Kurung Kedah dipakai bersama dengan kain sarung.
- Baju Kurung Kedah dipakai pada hari biasa.
- Kaum perempuan Kedah suka memakai baju ini.
- Baju Kurung Kedah biasanya diperbuat daripada kain kapas.
- Baju Kurung Kedah warisan budaya sepanjang zaman.

(Sumber: Muzium Negeri Kedah)



1. Nama baju itu  ?
2.  pakaian ini dipakai?
3.  yang memakai pakaian ini?

Info Bahasa

Kata tanya ialah kata untuk menyol sesuatu perkara. Contoh: *apa, siapa, mana, bila, bagaimana* dan *mengapa*.



Aktiviti

Menggunakan kata tanya untuk membina ayat.



Kesenian Dihargai



Mendengar dan Bertutur

Uniknya Rumah Kutai

idea tersurat

Rumah Kutai diperbuat daripada kayu dan dindingnya daripada anyaman buluh.

Bumbung rumah ini menggunakan atap daun rumbia yang dianyam dengan cantiknya.

Rumah ini bertiang tinggi.



Info:

Rumah Kutai ialah rumah tradisional Melayu di Perak. Rumah ini banyak terdapat di daerah Kuala Kangsar, Perak Tengah dan Hilir Perak.

(Sumber: Muzium Negeri Perak)

Kawan-kawan, ini rumah apa?

Mengapakah rumah ini diperbuat daripada kayu dan dindingnya daripada anyaman buluh?

Bumbung rumah ini menggunakan atap daun rumbia. Oleh itu, suasana di dalam rumah akan ...:

Pada pendapat saya, rumah ini bertiang tinggi ...:

Ini rumah kutai.

Pada pendapat saya, rumah itu diperbuat daripada kayu dan dindingnya daripada anyaman buluh kerana bahan itu mudah diperolehi di Perak.

Apakah sebab rumah ini bertiang tinggi, Yahya?



Aktiviti



Menjelaskan maklumat yang tersurat dan tersirat dengan idea yang kreatif dan kritis.

Nota Guru

- Bimbing murid memahami idea tersurat dan tersirat.

Strategi: KB – Menjanakan idea
EMK: Nilai Murni – Menghargai

KP: Verbal-linguistik
Menilai (membincangkan)

1.2.2
BA1: 77-78





Membaca

Yahya telah menyertai pertandingan lagu kanak-kanak bersempena dengan malam kesenian di sekolahnya. Dia memilih lagu “Lompat Si Katak Lompat”.

Lompat Si Katak Lompat		Nilai
Ulang 2 kali	Lompat si katak lompat Lompatlah tinggi-tinggi Cepatlah adik cepat Cepatlah bangun pagi-pagi.	menghargai masa
	Kalau adik malas lagi Malas bangun pagi La la la la la la la } ulang 2 kali Nanti kita rugi.	hemah tinggi
Ulang 2 kali	Lompat si katak lompat Lompat tepi perigi Cepatlah adik cepat Cepatlah pergi mengaji.	kerajinan
	Kalau kita rajin usaha Tentu kita berjaya La la la la la la la } ulang 2 kali Hidup aman bahagia.	Kita akan berjaya jika ...
Ulang 2 kali	Kalau adik tidak malas Rajin tiap hari La la la la la la la } ulang 2 kali Tentu usaha jaya.
	Lompat si katak lompat Lompatlah di tepi paya Cepatlah adik cepat Cepatlah pergi belajar.



Aktiviti



IMBAS SAYA

Menyatakan nilai berdasarkan seni kata lagu kanak-kanak.





Menulis

Tokoh Seni



Profesor Doktor Siti Zainon binti Ismail ialah tokoh seni negara kita. Beliau dilahirkan pada 18 Disember 1949. **Beliau dilahirkan di Gombak, Kuala Lumpur.**

Profesor Doktor Siti Zainon sangat meminati bidang seni lukis. Selain itu, beliau juga minat menulis buku tentang seni. **Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan banyak buku beliau seperti buku yang bertajuk *Percikan Seni* dan *Tekstil Tenunan Melayu*.**

Seterusnya, Profesor Doktor Siti Zainon membuat banyak pameran hasil seninya di luar negara. **Beliau pernah mempamerkan hasil lukisannya antaranya di Filipina, India, Perancis dan Australia.**

Minatnya itu mendapat penghargaan daripada beberapa pihak. Buktinya, **beliau menerima banyak anugerah kesenian.** Antaranya ialah Hadiah Lukisan Batik MAHA (1967 dan 1968) dan Anugerah Budayawan Selangor (2009).

(Sumber: diubah suai daripada <http://laman.dbp.gov.my>)



Aktiviti

Menulis ayat yang diimplakkan dengan ejaan yang betul.

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti ejaan dan memahami teks.
- Strategi: KB – Mengecam BCB: Mendengar dengan cepak
EMK: Nilai Murni – Menghargai

3.2.4 (iii)
BA1: 81–82





Kata Perintah

Wah, Mudahnya!

Nenek: **Tolong** ambil daun palas itu.

Hana dan

kawan-kawan: Baiklah, nenek.

Nenek: **Sila** pisahkan daun palas itu. Pravin, **minta** lapkan daun itu. Hati-hati, **jangan** tercarik daun palas itu.

Pravin: Nenek, 🙏 ajarkan saya dan kawan-kawan cara memasukkan pulut dan membalut ketupat palas ini.

Nenek: Pravin, 🙏 simpulkan daun palas sehingga terbentuk kelongsong.



Soo Mei: Wah, mudahnya nenek! Hana, 🙄 tunjukkan saya cara merapatkan dan mengemaskan daun ini.

Hana: Soo Mei, pusing daun ke belakang kelongsong seperti ini, kemudian tarik ekor daun itu.

Nenek: Pandai Hana, cucuku sayang. Ha...ha... (ketawa) 🙄 tarik terlalu kuat kerana daun palas akan terkoyak. Akhir sekali, simpulkan ekornya seperti ini untuk mematikan balutan. Air tidak akan masuk ke dalam ketupat apabila direbus.

Hana: Ketupat ini hendak diletakkan di mana, nenek?

Nenek: 🙄 masukkan ketupat itu ke dalam periuk. Buka api tetapi 🙄 terlalu kuat.

Hana dan kawan-kawan: Baiklah, nenek.



IMBAS SAYA



Info Bahasa

Kata perintah ialah perkataan yang digunakan untuk memberikan perintah, iaitu suruhan, arahan, larangan, silaan atau permintaan. Contoh: *sila*, *tolong* dan *minta*.



Aktiviti

Menggunakan kata perintah mengikut konteks.

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti kata perintah.
- AT: Senaraikan jenis ketupat lain yang kamu tahu.
- Strategi: KB – Mencirikan
- EMK: Nilai Murni – Hormat-menghormati

KP: Interpersonal

5.1.4 (v)
BA1: 83–84






73



Kata Kerja Aktif Transitif

Cantiknya Bidai



Pada cuti sekolah yang lalu, Rahisin pulang ke kampung. Dia melihat datuknya membuat bidai. Corak bidainya tradisional.

Pada masa lapang, datuk Rahisin akan masuk ke hutan. Beliau mencari dan **menebang** pokok rotan.

Selepas itu, datuk Rahisin menyediakan alatan seperti parang, benang dan pita ukur. Beliau **membelah** rotan untuk dikeringkan.

Seterusnya, nenek Rahisin **menyusun** rotan itu untuk dibuat bidai. Kemudian, beliau **mengikat** rotan itu mengikut saiz yang sukainya.

Setelah siap, datuk Rahisin **memasang** bidai pada tingkap. Beliau berjaya **menghalang** cahaya matahari masuk ke dalam rumah.



Aktiviti

Menggunakan kata kerja aktif transitif untuk melengkapkan teks.



Amalan Baik



Mendengar dan Bertutur

Berbudi Bahasa Budaya Kita

Berbudi bahasa ialah nilai baik yang perlu ada pada setiap orang. Amalan **berbudi bahasa** ini budaya **masyarakat Malaysia**.

- Kita hendaklah memberikan ucapan selamat apabila berjumpa dengan seseorang.



Selamat sejahtera, cikgu.



Selamat sejahtera, Yahya.

- Kita mestilah bertanya tentang khabar dan keadaan seseorang.

Apa khabar, Soo Mei?
Saya harap kamu
sihat dan sejahtera.

Kamu hendak
ke mana?



Khabar baik,
Hana. Saya harap
kamu juga sihat
dan sejahtera.

Saya hendak
ke perpustakaan.

- Kita sepatutnya membantu orang tua atau orang yang kurang upaya.

Terima kasih, anak-anak,
kerana membantu pak cik.

Sama-sama, pak cik.

Pravin, marilah
kita bantu
pak cik ini.



Aktiviti

Menyebut frasa dan ayat yang didengar dengan betulnya dan tepat.

Nota Guru



- Bimbing murid mendengar dan mengecam frasa dan ayat.
AT: Lakukan simulasi.

Strategi: KB – Menghubungkaitkan
EMK: Nilai Murni – Hemah tinggi

KP – Interpersonal

1.1.1
(i), (ii) & (iii)
BA1: 85–86





Membaca





Asal Usul Nama Baling, Kedah

Menurut cerita orang-orang tua, pada zaman dahulu, sekumpulan petani dari Siam telah membina rumah di sebuah kaki gunung di negeri Kedah. Tanah di kawasan tersebut sangat subur.

Mereka bantu-membantu dengan mengusahakan ladang tanaman di situ. Mereka bekerja siang dan malam. Pelbagai pokok buah ditanam.

Selepas beberapa tahun, pokok manggis, langsung dan cempedak berbuah dengan lebatnya. Tiba-tiba, sekawan kera datang lalu makan buah-buahan di ladang tersebut. Para petani berusaha dengan pelbagai cara untuk menghalau kera-kera itu. Namun, kera-kera itu tidak lari ke hutan yang berdekatan.

Petani-petani itu telah bermesyuarat untuk menamai tempat itu “Ban-Lin” yang bererti kampung kera dalam bahasa Siam. Lama-kelamaan, perkataan Ban-Lin menjadi “Baling”.

Pernyataan	Nilai
• Mereka bantu-membantu dengan mengusahakan ladang tanaman di situ.	bekerjasama
• Mereka bekerja siang dan malam.	 
• Para petani berusaha dengan pelbagai cara untuk menghalau kera-kera itu.	 



Aktiviti


Menyatakan nilai.





Menulis

Seronoknya Menonton Teater

Yahya dan keluarganya menonton persembahan daripada kumpulan teater . Mereka mempersembahkan cerita yang bertajuk “Pemuda yang Jujur”.


Pada suatu hari, seorang pemuda memasuki sebuah




terjumpa sehelai . Dia mencari kayu api untuk dijual. Dia bersulam emas yang cantik. Dia membawa selendang itu ke rumah.

Keesokan harinya, dia membawa selendang itu



ke . Rupa-rupanya, selendang itu kepunyaan puteri raja. Raja mengucapkan terima kasih dan memberikan hadiah kepada pemuda itu.



 sangat gembira kerana dapat menonton persembahan teater dan mendapat pengajaran daripada cerita tersebut.



Aktiviti

Menulis karangan secara separa terkawal.

Nota Guru



- Bimbing murid memahami keseluruhan isi berdasarkan bahan.

Strategi: KB – Menjanakan idea

EMK: Nilai Murni – Amanah

Pembelajaran Konstruktivisme –

Mengembangkan idea

3.3.1 (i)
BA1: 89–91





Kata Seru


Sehari di Muzium Kaca (i-Box Glass Museum)

Pada suatu hari, Yahya dan keluarganya melawat Muzium Kaca Pulau Pinang yang terletak di Jalan Burma, Pulau Pinang.




Amboi, cantiknya terowong kaca! Ukiran dan potongan kacanya sangat teliti.

Terowong ini memang cantik, emak. **Eh**, Hana pun ada di sini!



Hai, Yahya! Kamu pun datang?

Ya, Hana. **Wah**, hebatnya lantai terowong kaca ini!



Oh, rupa-rupanya, inilah terowong yang diperbuat daripada 500 keping kaca pelbagai warna dan corak!




Eh, cantiknya motif pada ukiran ini!

Betul, Yahya. **Eh**, banyaknya mak cik membeli cenderamata!



Ya, Hana. Cenderamata ini daripada botol yang dikitar semula.

Eh, uniknya botol itu! Saya mahu membelinya juga.



Eh, sudah lewat! Kami balik dulu Hana.

Info Bahasa

Kata seru ialah kata yang digunakan untuk melahirkan perasaan gembira, terkejut, kagum, kecewa, hampa dan hairan. Contoh: *wah, amboi, oh, eh, cis, nah, ah, aduhai* dan *wahai*. Kata seru digunakan untuk membentuk ayat seruan.

Selepas itu, mereka pun pulang.



Aktiviti

Menggunakan kata seru dengan betulnya mengikut konteks.



Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti kata seru.
- Strategi: KB – Mengenal pasti
EMK: Nilai Murni – Menghargai

KP: Interpersonal

5.1.4 (vi)
BA1: 92



Kata Seru dan Kata Perintah

Lawatan ke Muzium Padi



Aktiviti

Menggunakan kata seru dan kata perintah mengikut konteks.

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti dan menggunakan kata seru dan kata perintah.

Strategi: KB – Mengenal pasti
EMK: Nilai Murni – Mematuhi arahan

KP – Interpersonal

5.1.4
(v) & (vi)






Pengukuhan

Tulis karangan berdasarkan gambar dan frasa di bawah.

Malam Kebudayaan

Rahisin dan keluarganya mengambil kesempatan melawat pameran kebudayaan semasa pulang ke Sabah. Mereka telah melihat .



Tarian Pengalai Suluk

- suku kaum Suluk
- asas pergerakan berdasarkan tiupan angin dan arus lautan
- empat orang penari
- ditarikan dalam upacara rasmi dan majlis keramaian

Tarian Sumundai-Mongigol

- suku kaum Momogun Rungus
- ditarikan oleh seorang lelaki dan beberapa orang perempuan
- diiringi paluan gong
- ditarikan dalam Pesta Kaamatan dan majlis keraian lain

Tarian Lansaran

- suku kaum Murut
- dahulu, ditarikan untuk menyambut kepulangan pahlawan
- kini, ditarikan dalam majlis perkahwinan dan menyambut tetamu

(Sumber: Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah)

Rahisin dan keluarganya seronok kerana dapat melihat pameran tersebut. Mereka memperoleh banyak maklumat tentang tarian masyarakat Sabah. Mereka sungguh gembira.




Penilaian

A. Jelaskan maklumat berdasarkan bahan di bawah secara bertatasusila.



Nordin, jelaskan maklumat tentang alat muzik tradisional itu.

Baiklah, Liza. Nama alat muzik itu !? :



Nama alat muzik: sundatang
Popular: di Sabah
Diperbuat daripada: kayu yang keras seperti kayu *nangko* (kayu nangka). Talinya daripada tangsi atau dawai loyang.



B. Baca dan nyatakan idea keseluruhan yang sesuai dengan teks.

Lepa ialah sejenis perahu tradisional yang penting dalam kehidupan masyarakat Bajau di Semporna, Sabah. Mereka menggunakan lepa untuk menangkap ikan dan dijadikan sebagai kenderaan harian.



Lepa ialah warisan kebanggaan masyarakat Bajau di Semporna sejak zaman-berzaman. Lepa telah menjadi identiti dan budaya mereka.

Walaupun tidak ramai yang menggunakan lepa sebagai pengangkutan pada masa ini, namun lepa terkenal dalam industri pelancongan tempatan. Buktinya, Perarakan Lepa Cantik bersempena dengan Pesta Regatta Lepa diadakan setiap tahun di Semporna, Sabah.

(Sumber: Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah)



Masjid Beijing Kelantan



Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra, atau Masjid Beijing, sangat cantik. Masjid ini ialah masjid berseni bina Cina yang pertama didirikan di Malaysia.

Masjid ini terletak di daerah Rantau Panjang, Kelantan. Masjid ini mula dibina pada 12 September 2005. Masjid ini telah dirasmikan pada 1 Julai 2013 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V.

Seni bina masjid ini amat unik dan cantik. Seni binanya menggabungkan seni bina Cina dan Islam. Masjid ini dibina seakan-akan Masjid Niujie yang berusia lebih daripada 1000 tahun di Beijing, China.

Selain itu, masjid ini juga menggambarkan gabungan tiga budaya masyarakat di Malaysia, iaitu Melayu, Cina dan India. Gabungan seni bina Melayu dan India dapat dilihat pada lorekan simen di beranda masjid dan hiasan di dalam masjid.

(Sumber: diubah suai daripada *Berita Harian*, 15 Julai 2016)

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baik dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

Skim Pinjaman Buku Teks

Sekolah _____

Tahun	Darjah	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: _____

Tarikh Penerimaan: _____

BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL